

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN HARI PENGGUNA SEDUNIA 1995 DAN KEMPEN

TEMPAT: PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 JUN 1995

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana menjemput saya untuk melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1995 serta Kempen Anti Inflasi Tahun 1995 pada hari ini.

2. Kita semua adalah pengguna. Sama ada kita mengeluarkan atau menjual barang atau khidmat, kita tidak dapat elak daripada menjadi pengguna. Malangnya kerap kali kita lupa memperingati diri kita bahawa kita adalah pengguna semasa kita mengeluarkan dan menjual barangan atau khidmat kita. Hanya apabila kita membeli barangan atau khidmat barulah kita begitu kuat berlagak sebagai pengguna.

3. Sebagai pengguna kita begitu marah jika harga terlalu mahal, atau khidmat kurang baik sedikit atau kualiti tidak seperti yang didakwa. Sebaliknya jika kita yang menjual mahal atau memberi khidmat yang buruk atau barangan jualan kita tidak berkualiti, kita tidak anggap perbuatan kita itu tidak baik atau salah. Bahkan kita tidak faham kenapa orang tidak puas hati dengan harga atau kualiti barangan atau khidmat kita. Inilah masalah yang terbesar yang dihadapi oleh masyarakat: pemisahan diri kita sendiri semasa menjadi pengguna dan semasa menjadi pembekal barangan atau khidmat. Sementara sebagai pengguna kita kecam kenaikan harga barangan, di saat yang sama kita menuntut supaya upah untuk khidmat kita dinaikkan. Dan kita marah jika sesiapa menarik perhatian kepada kontradiksi ini.

4. Kita adakan kesatuan pengguna seolah-olah pengguna tidak pernah menjadi pembekal. Dengan itu kesatuan begitu lantang mengecam pembekal tanpa menyoal diri sendiri, apakah kita sebagai pembekal prihatin akan kepentingan pengguna?

5. Selagi ada daikotomi ini, selama itulah kempen mengawal inflasi tidak akan berjaya. Jika pengguna ingin layanan yang baik daripada pembekal, maka mereka tidak boleh lupa tentang pentingnya layanan yang baik daripada mereka sendiri apabila mereka membekal barangan atau khidmat.

6. Apabila kita mengejar inflasi sifar atau 'zero inflation', kita harus faham akan maksudnya. Inflasi sifar tidak bermakna bahawa semua barang dan khidmat tidak boleh naik harga sama sekali. Dalam keadaan tertentu dan dengan barangan atau khidmat tertentu, kenaikan harga bukan sahaja tidak dapat dielak tetapi adalah perlu jika taraf hidup masyarakat hendak dipertingkatkan. Demikian juga inflasi sifar adalah berkenaan dengan kos sara hidup asas. Ia tidak melibatkan sara hidup di peringkat mewah.

7. Ini bermakna bahawa tumpuan kita adalah kepada kos keperluan asas purata. Jika kita ingin membeli barang mewah atau layanan yang istimewa, kita perlu sanggup membayar harga yang tinggi dan meningkat. Jika kita ingin membeli kereta mewah atau rumah mewah atau tambang kelas satu, kita mestilah sanggup bayar harga yang tinggi dan yang meningkat sepanjang masa. Tetapi bagi khidmat atau barangan biasa, harga tidak harus naik selagi tidak ada kenaikan daripada segi kualiti. Demikian minuman yang dijual dalam hotel mewah, harganya lebih tinggi daripada minuman yang sama yang dijual di kedai kopi biasa. Harga yang dibayar bukan untuk minuman itu sahaja tetapi untuk bangunan yang indah, layanan yang selesa oleh pelayan yang bergaji tinggi dengan pakaian seragam yang mahal. Jika kita tidak sanggup membayarnya kita boleh pergi ke tempat yang lebih murah. Apabila hotel mewah tidak mendapat langganan yang cukup oleh orang yang sanggup membayar dengan harga yang tinggi mereka sudah tentu terpaksa menurunkan harga. Jika hotel mewah masih juga dapat pelanggan yang cukup yang sanggup membayar harga yang mahal, maka mereka berhak menjual mahal.

8. Kadang-kadang kita terpaksa terima kesan inflasi yang diimport daripada negara asing. Oleh itu harga perlu dinaikkan. Tetapi kesan ini tidak seratus peratus kerana barangan yang diimport mungkin hanya seperatusan kecil sahaja daripada kos. Justeru itu pembekal tidak harus naikkan harga dengan peratusan yang sama dengan kenaikan harga barangan import. Ada kos dalam negeri yang tidak naik dan ini patut menolong mengurangkan kenaikan harga jualan.

9. Yang menjadi masalah ialah pembekal suka mengambil kesempatan daripada kenaikan harga bahagian yang diimport untuk menaikkan harga tempatan dengan paras yang sama. Tetapi apabila barangan yang diimport turun harganya, penjual berdiam diri sahaja dan tidak menurunkan harga.

10. Pengguna dan kesatuan-kesatuan mereka perlu memberi pertimbangan secara adil dan memahami mekanisme harga ini. Kesatuan pengguna yang mudah mengecam kenaikan harga tanpa membuat penelitian yang mendalam, bukan sahaja tidak adil tetapi mungkin merosakkan ekonomi.

11. Kesatuan pengguna mestilah bertanggungjawab. Mereka tidak harus terlibat dengan politik. Mereka juga harus berhati-hati apabila membuat satu-satu dakwaan. Jika tidak mereka akan merugikan penjual tanpa sebab. Dan penjual bukan semuanya kaya raya. Ramai daripada mereka adalah penjaja. Apabila didakwa kononnya daging yang diimport tidak halal, bukan sahaja pengimport daging yang rugi, tetapi penjaja karipap di tepi jalan juga turut rugi. Apabila kemudian didapati dakwaan itu tidak berasas, pengimport mungkin hidup semula, sementara perniagaan penjaja mati terus.

12. Kadang-kadang kesatuan pengguna menghasut supaya tuan punya tanah umpamanya menjual mahal atau menghalang pembangunan. Ini dengan sendirinya menyebabkan kos meningkat yang mana pemilik tanah itu sendiri akan menanggung tekanan kenaikan sara hidup.

13. Strategi Kerajaan Malaysia ialah mengekalkan kos sara hidup yang rendah untuk membolehkan kita bersaing menarik pelaburan dan mengekalkan daya saing atau 'competitiveness' barangan buatan kita di pasaran antarabangsa. Kita tidak mempunyai banyak 'competitive advantage'. Kita kekurangan modal, teknologi dan 'know-how', pasaran tempatan yang mewah dan besar dan 'network' atau jaringan pemasaran di seluruh dunia. Yang ada pada kita ialah kos pengeluaran yang rendah kerana kos sara hidup kita yang rendah.

14. Demikianlah kos sara hidup kita sehingga walaupun pendapatan per kapita kita pada 1994 dihitung sebanyak US\$3,500, tetapi kuasa membeli pendapatan per kapita ini ialah sama dengan US\$8,500 di Amerika Syarikat. Ini bermakna bahawa walaupun gaji kita sekian banyak tetapi kita boleh membeli hampir tiga kali ganda banyak barang atau khidmat berbanding dengan rakyat Amerika Syarikat yang mendapat gaji yang sama. Dengan perkataan lain, gaji pekerja di Amerika Syarikat sebanyak US\$9,000 hanya sama dengan gaji US\$3,000 di Malaysia. Ini adalah perhitungan purata dan bukan pendapatan sebenar.

15. Sebabnya kuasa membeli kita lebih tinggi daripada di negara maju ialah kerana kos sara hidup kita rendah. Selagi kos sara hidup kita rendah kos pengeluaran barangan dan khidmat kita juga akan menjadi rendah. Ini bukan bermakna upah sahaja yang menyumbang, tetapi pengangkutan, bahan-bahan, api, air dan lain-lain lagi. Dengan ini, kita boleh bersaing dengan jayanya dalam pasaran antarabangsa.

16. Eksport kita akan meningkat dan aliran wang masuk akan bertambah dan rakyat kita akan lebih kaya, kerana wang yang banyak ini akan dibelanjakan oleh mereka yang dapatinya. Tiap kali seseorang itu berbelanja di dalam negeri, ada orang lain yang akan mendapat keuntungan.

17. Demikian apabila orang kaya membuat mahligai untuk

dirinya, pekerja mendapat pendapatan yang tinggi, pembekal bahan binaan mendapat pendapatan, pemilik dan pemandu lori untung, penjual minyak bertambah pendapatan dan seterusnya. Kerajaan juga akan dapat berbagai-bagai jenis cukai untuk membiayai pentadbiran dan projek-projek untuk rakyat.

18. Sebaliknya jika kerana pembekal barangan atau khidmat menaikkan harga maka kos sara hidup akan naik dan kos pengeluaran barangan juga akan turut naik. Dalam negara, kenaikan ini akan menaikkan lagi kos sara hidup yang akan menaikkan lagi kos pengeluaran. Pendapatan rakyat mungkin bertambah tetapi 'purchasing power' atau daya beli mereka akan turun. Mereka tidak jadi lebih kaya. Mereka menjadi lebih miskin kerana wang yang banyak boleh membeli hanya sedikit barangan atau khidmat. Inflasi dengan kejatuhan nilai matawang adalah perkara yang sama. Jangan fikir kita kaya kerana duit kita bertambah. Duit kita yang bertambah kerap kali mempunyai nilai yang kurang daripada dahulu.

19. Di luar negara, kenaikan kos dalam negeri akan menjejaskan kemampuan barangan kita bersaing dalam pasaran. Pendapatan kita daripada eksport akan turun. Pelabur tempatan dan pelabur asing akan hilang minat untuk melabur di negara kita. Peluang kerja akan berkurangan. Upah akan turun dan kita akan menjadi bertambah miskin kerana akhirnya pendapatan turun sedangkan kos sara hidup naik. Kita menjadi lebih miskin kerana pendapatan kita tetap tidak dapat membeli barangan dan khidmat sama seperti dahulu.

20. Justeru itu, pembekal barangan atau khidmat (dan ini termasuk siapa juga yang menjual khidmat mereka untuk mendapat upah) harus elak daripada menaikkan harga jualan mereka melainkan ada peningkatan daripada segi kualiti atau kuantiti -- iaitu peningkatan daya pengeluaran atau produktiviti.

21. Jika harga barangan atau khidmat tinggal kekal di paras lama kita akan capai inflasi sifar. Dan kita semua tetap akan mendapat manfaat daripada inflasi sifar yang menjadi sasaran kempen kita. Tidak ada siapa yang akan rugi kerana inflasi sifar. Sebaliknya semua akan memperolehi nikmat. Sudah tentu ekonomi negara akan tumbuh dengan lebih pesat, yang mana ini juga akan menguntungkan kita semua.

22. Oleh kerana kita semua adalah pengguna dan kita semua juga adalah pembekal, maka kawalan inflasi ini adalah tanggungjawab bersama kita semua. Pengguna tidak boleh menyalahkan pembekal dan pembekal tidak boleh menyalahkan pengguna. Jika inflasi meningkat, kedua-dua adalah bersalah. Sebaliknya jika inflasi sifar tercapai kedua-dua perlu disanjung kerana kedua-dua menyumbang kepada pencapaian ini.

23. Apakah pula peranan Kerajaan? Sudah tentu Kerajaan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar. Kerajaan ini ingin melihat rakyat hidup sempurna dan makmur kerana rakyat yang makmur, tenteram dan bahagia akan memilih parti Kerajaan semula. Tetapi lebih daripada itu balasan yang ternilai dan bermakna kepada Kerajaan ialah melihat rancangan-rancangannya berjaya dan negara dihormati oleh dunia. Kerajaan juga perlu kepada `job satisfaction', iaitu kepuasan hati melihat pentadbirannya berjaya. Tentulah Kerajaan, terutama anggota yang dipilih oleh rakyat akan berasa malu jika kerana mereka kurang kecekapan atau tidak bertanggungjawab, ekonomi negara ini runtuh dan dunia menghinakan negara ini.

24. Tanggungjawab Kerajaan adalah menyeluruh. Lebih daripada pihak-pihak lain, Kerajaan perlu faham mekanisma ekonomi dan kesan inflasi terhadap ekonomi negara, kewangan negara, dan kehidupan rakyat. Memahami ini, Kerajaan berkepentingan mengawal harga barangan dan khidmat supaya tidak melambung naik. Kawalan harga akan diteruskan dan jika perlu jenis dan bilangan barangan yang perlu dikawal harganya akan ditambah.

25. Sepatutnya Kerajaan tidak mengawal harga dalam sistem ekonomi pasaran. Harga sepatutnya ditentukan melalui `market forces', iaitu kesanggupan pembeli membeli dan penjual menjual. Tetapi ramai manusia yang tamak dan akan menaikkan harga jika tidak ada kawalan. Justeru itu di Malaysia penjual tidak boleh terlalu bebas menentukan harga. Jika mereka enggan menjual mengikut harga yang ditetapkan, tindakan akan diambil terhadap mereka.

26. Kemasukan barangan dari luar, cukai import dan eksport dan beberapa cara lain digunakan oleh Kerajaan untuk mengawal harga dan membendung inflasi. Malaysia belum menjadi negara maju dan kawalan harga dan inflasi adalah penting untuk kita terus berdayasaing serta menentukan pendapatan yang rendah di negara kita tidak bermakna taraf hidup kita turut rendah. Kita tidak mahu menjadi negara di mana upah beratus ribu unit matawang tetapi harga sekilo daging adalah berpuluh ribu unit, iaitu sama dengan upah untuk dua atau tiga hari.

27. Pengguna, pembekal dan Kerajaan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Ingatlah Hari Pengguna bukanlah hari untuk satu kumpulan anggota masyarakat mengecam kumpulan lain. Kita semua adalah pengguna. Di masa yang sama kita jugalah pembekal. Kempen mengawal inflasi tidak akan berjaya selagi kita bersikap lain semasa mengguna dan lain pula bila menjadi pembekal. Jika kita semasa menjadi pembekal sedar dan insaf akan kepentingan pengguna, iaitu kita sendiri, dan kita tidak membuat sesuatu yang membebankan pengguna, insya-Allah kita akan mendapat nikmat daripada kempen anti inflasi sebagai pengguna tanpa merugikan diri kita

sebagai pembekal. Jangan asyik mendesak orang lain menurunkan harga sedangkan kita menuntut kenaikan harga untuk barangan dan khidmat yang kita bekalkan.

28. Hari Pengguna dan Kempen Anti Inflasi bermula dengan penyedaran bahawa kita tidak boleh pisahkan pengguna daripada pembekal. Orang yang sama adalah pengguna dan pembekal.

29. Oleh itu, kita semua perlu menyumbang kepada usaha menyelamatkan pengguna daripada diri kita sebagai pembekal.

30. Untuk menjayakan kempen Anti Inflasi yang akan membawa kebahagiaan kepada kita semua, kita perlu faham akan mekanisma inflasi. Kita tidak boleh mengawal sesuatu jika kita tidak kenal apa dianya yang hendak dikawal.

31. Jika kita dapat faham dua perkara ini, insya-Allah, Hari Pengguna dan Kempen Anti Inflasi akan membawa kebaikan kepada kita.

32. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Hari Pengguna Sedunia 1995 dan Kempen Anti Inflasi 1995.